



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - RM5.1 Bilion Disediakan Bayar Hutang 1MDB, SRC Untuk 2019, 2020](#)

Selasa, Okt 22 2019



PUTRAJAYA, 22 Okt -- Sebanyak RM5.1 bilion diperuntukkan untuk melunaskan hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) bagi tahun ini (2019) dan 2020, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata sejumlah RM2.7 bilion disediakan untuk 2020 bagi melunaskan bayaran khidmat hutang 1MDB dan SRC, dan sebanyak RM2.4 bilion bagi tahun 2019. "Kerajaan tetap komited untuk membayar semua obligasi pinjaman yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Lim, hutang dan liabiliti 1MDB, termasuk faedah, pada masa ini berjumlah kira-kira RM51 bilion, termasuk RM8.93 bilion yang telah dibayar oleh Kementerian Kewangan dan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Pada 18 Okt lepas (2019), 1MDB telah membuat pembayaran faedah sebanyak US\$50,312,500 bagi pelunasan bayaran faedah bon terbitan 1MDB Energy (Langat) Ltd (1MELL), katanya.

"Bayaran tersebut dibuat menggunakan dana pemulihan aset 1MDB yang berjaya dikembalikan sebanyak kira-kira RM1.45 bilion setakat ini," kata Lim Bon 1MELL bernilai US\$1.75 bilion itu diterbitkan pada 19 Okt 2012 dan akan matang pada 18 Okt 2022.

Lim berkata untuk tahun ini, dua lagi bayaran perlu dibuat oleh 1MDB.

Ia melibatkan bayaran faedah bon 1MDB Energy Ltd (1MEL) sebanyak US\$52.4 juta (kira-kira RM219.2 juta) yang akan dibayar pada 11 Nov 2019, dan bayaran faedah sukuk Islamic Medium Term Note (IMTN) sebanyak RM143.75 juta yang akan dibayar pada 29 Nov 2019, katanya.

-- BERNAMA



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

